BIL 07

ar-رسالة Risalah

TERBITAN SURAU VSK UNTUK PENGHUNI PANGSAPURI VSK

19 NOV 2010 / 12 ZULHIJJAH 1431 H

INFO SURAU

Blog
surau-vsk.blogspot.com

Akaun Bank Muamalat
0702 00033 127 15

E-mel
surauvsk@yahoo.com

LAMAN SESAWANG

jaipp.penang.gov.my
www.iluvislam.com
www.danialzainalabidin.com
www.zaharuddin.net
www.quranexplorer.com
www.ustazmalek.com
www.haluan.org.my
www.rakancop.net
www.bomba.gov.my
www.999.gov.my

AL-QURAN

"*Dan janganlah engkau mengikut sesuatu yang kamu tidak tahu. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu akan ditanya tentang apa yang dilakukannya*".
Surah Al-Isra' ayat 36

"*Maka apakah kamu mengira bahawa Kami menciptakan kamu bermain-main (tanpa ada maksud) dan kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?"*
Surah Al-Mukminun ayat 115

10 Tips Mewujudkan Keyakinan Diri

sumber rujukan : www.iluvislam.com

1. Anggapkan diri anda yang diciptakan oleh Allah adalah sama seperti orang lain.

2. Orang lain boleh buat, kenapa anda tidak boleh buat?

3. Apa kekurangan/kelemahan yang ada pada diri anda dan baikinya.

4. Jangan takut-takut atau teragak-agak untuk melakukan sesuatu yang positif

5. Elakkan perasaan malu yang tidak bertempat.

6. Lakukan riadah yang ringan sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, ianya sebagai "warm up" dan dapat mengaktifkan diri seseorang.

7. Kemas diri dan anggapkan diri anda adalah terbaik pada hari itu.

8. Apabila berinteraksi pandang tepat pada muka dan mata orang yang kita sedang berinteraksi dan gunakan sedikit pergerakan tangan untuk menerangkan sesuatu. Jangan terlalu kaku.

9. Apabila memulakan sesuatu tugas jangan memikirkan tentang masalah, tetapi fikirkan tentang hasilan yang akan dapat selepas tugas tersebut.

10. Sentiasa peka terhadap waktu, jangan berlengah-lengah atau bertangguh dalam melaksanakan sesuatu tugas.



Alat 'Make-Up' Kaum Hawa

sumber rujukan : www.iluvislam.com

Mungkin pada sepasang matanya yang hening yang selalu menjeling tajam atau yang kadang kala malu-malu memberikan kerlingan manja.

Boleh jadi pada bibirnya yang tak jemu-jemu menyerlahkan senyuman manis, atau yang sekali-sekala memberikan kucupan mesra di dahi umi juga, ayah, suami dan pipi munggil anak-anak.

Atau mungkin juga pada hilai tawanya yang gemersik dan suara manjanya yang boleh melembut sekaligus melembutkan perasaan.

Sejuta perkataan belum cukup untuk menceritakan kecantikan perempuan. Sejuta malah berjuta-juta kali ganda perkataan pun masih belum cukup untuk mendefinisikan tentang keindahan perempuan.



Satu sahaja yang tidak akan dimamah usia, sifat keperempuanan yang dipupuk dengan iman dan ibadah.

Kitalah perempuan itu. Panjatkan kesyukuran kehadrat Tuhan kerana menjadikan kita perempuan dan memberikan keindahan-keindahan itu.

Namun, betapa pun dijaga, dipelihara, dibelai dan ditatap di hadapan cermin saban waktu, tiba masanya segalanya akan pergi jua. Wajah akan suram, mata akan kelam.

Satu sahaja yang tidak akan dimamah usia, sifat keperempuanan yang dipupuk dengan iman dan ibadah.

Anda ingin lebih cantik dan menarik?

Jadikanlah Ghadhdul Bashar (menundukkan pandangan) sebagai "**hiasan mata**" anda, nescaya akan semakin bening dan jernih.

Oleskan "**lipstik kejujuran**" pada bibir anda, nescaya akan semakin manis.

Gunakanlah "**pemerah pipi**" anda dengan kosmetik yang terbuat dari rasa malu yang dibuat dari salon Iman.

Pakailah "**sabun istighfar**" yang menghilangkan semua dosa dan kesalahan yang anda lakukan.

Rawatlah rambut anda dengan "**selendang islami**" yang akan menghilangkan kelemumur pandangan lelaki.

Hiasilah kedua tangan anda dengan "**gelang**" tawadhu' dan jari-jari anda dengan cincin ukhuwwah.

Sebaik-baiknya kalung anda adalah kalung "**kesucian.**"

Bedaklah wajah anda dengan "**air wudhu.**"

Episod akan datang : **Lima Syarat Buat Maksiat**

7 Langkah Bijak Berbelanja

#1: Berbelanja Secara Tunai Sahaja! (Go Cash-Only)

#2: Tetapkan Matlamat Jangka Panjang! (Set Long-term Goals)


#3: Bezakan Antara Keperluan Dan Kehendak! (Distinguish Between Needs and Wants)

#4: Berbelanjalah Dengan Senarai Perkara Yang Diperlukan! (Shop with a List)

#5: Berikan Peruntukan Untuk Diri Anda Sendiri! (Give Yourself an Allowance)

#6: Carilah Teman Untuk Keluar Berbelanja! (Find a Shopping Buddy)

#7: Meninjau Terlebih Dahulu Pilihan Anda! (Survey Your Selections)



"...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..."

(Surah Ar-Ra'ad: 11)

